

Soalan No: 57

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM
[BALING]

TARIKH : 27.3.2017

SOALAN :

Dato' Sri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh kementerian berkenaan dengan gejala ketum yang semakin menular di kalangan pelajar sekolah terutama di sekolah kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui pihak sekolah sentiasa menjalankan pemeriksaan kepada murid-murid agar mereka tidak membawa air ketum ke sekolah. Pihak sekolah juga sentiasa memberi peringatan kepada murid-murid agar tidak mencuba air ketum semasa berada di dalam dan luar kawasan sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pendidikan Pencegahan Dadah yang dilaksanakan di sekolah juga merangkumi bahaya air ketum. Semua sekolah perlu melaksanakan Program Pendidikan Pencegahan Dadah yang kawal selia oleh Jawatankuasa Pendidikan Pencegahan Dadah Sekolah. Pendidikan Pencegahan Dadah dilaksanakan melalui

dua pendekatan iaitu Pendidikan Pencegahan dan Pendidikan Intervensi. Menerusi pendekatan pendidikan pencegahan semua murid diberikan input mengenai bahaya dadah secara umum dan pelaksanaan program ini adalah berterusan sepanjang tahun dalam kurikulum, kokurikulum dan program pembangunan sahsiah. Murid-murid akan mendapat input bahaya dadah, air ketum, rokok, inhalan, alkohol dan HIV khususnya melalui mata pelajaran kesihatan bermula tahun satu hingga ke tingkatan lima.

Murid-murid yang dikesan berisiko dan mencuba dadah atau bahan terlarang termasuk air ketum perlu melalui pendidikan intervensi yang meliputi program kaunseling dan program khas intervensi murid yang di kendalikan oleh kaunselor sekolah dan juga melibatkan pelbagai agensi seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Persatuan Mencegah dadah Malaysia (PEMADAM).

RJM76